

PENGHURAIAN SKOP TUGAS PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Penguat Kuasa Maritim Gred T13, T14, T16, T18, T20, T22, T24

2. PERINGKAT ORGANISASI

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia peringkat Ibu Pejabat, Wilayah, Daerah, Pangkalan, Pos dan Stesen Udara.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas peringkat pengurusan yang melibatkan Zon Maritim Malaysia dari segi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah undang-undang persekutuan; melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan; mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan; memberikan bantuan perkara berkaitan dengan penjenayahan apabila dipohon oleh negara luar; melaksanakan pengawasan udara dan pantai serta menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada agensi yang memerlukan. Di samping itu, tugas yang dilaksanakan di Zon Maritim Malaysia dan lautan Jepas ialah mencari dan menyelamat; mengawal dan mencegah pencemaran maritim; pencegahan dan penyekatan pelanun serta pencegahan dan penyekatan pendedaran haram dadah narkotik. Tugas yang dilaksanakan akan diletakkan di bawah perintah dan kawalan am Angkatan Tentera Malaysia semasa darurat, krisis khas atau peperangan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

- 4.1 Menguatkuasa undang-undang dan ketenteraman di bawah undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia.
- 4.2 Menyediakan dasar pandu arah dan melaksana dasar keselamatan Zon Maritim Malaysia.
- 4.3 Merancang pengurusan logistik dan perancangan operasi.
- 4.4 Melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan maritim, pengawasan udara dan pantai, pengawalan dan pencegahan pencemaran maritim, pencegahan dan penyekatan pelanun serta pencegahan dan penyekatan pendedaran haram dadah narkotik.

- 4.5 Memastikan kelancaran dan keberkesanan bantuan dalam apa-apa perkara jenayah atas permintaan negara asing sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Bersama Dalam. Perkara Jenayah 2002 (Akta 621).
- 4.6 Memastikan perkhidmatan pelantar dan sokongan kepada agensi-agensi yang berkaitan disediakan dengan cekap dan berkesan.
- 4.7 Mengumpul dan menilai maklumat risikan keselamatan serta mencadangkan peningkatan keberkesanan operasi.
- 4.8 Memastikan kecekapan dan keberkesanan rondaan dan operasi maritim dan udara yang dijalankan di Zon Maritim Malaysia.
- 4.9 Melaksana dan meningkatkan mutu latihan anggota, latihan operasi dan latihan bersama di kawasan maritim negara.
- 4.10 Menjalin hubungan rapat dengan Jabatan/ Agensi lain mengenai penguatkuasaan undang-undang di Zon Maritim Malaysia.

5. HUBUNGAN KERJA

- 5.1 Luaran
 - orang awam
 - jabatan/ agensi kerajaan
 - syarikat swasta
 - jabatan/ agensi maritim luar negara
- 5.2 Dalaman
 - rakan sekerja di pejabat/ bahagian/unit
 - pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

6. PERSEKITARAN KERJA

- 6.1 Dalam dan luar pejabat termasuk di kawasan Zon Maritim Negara.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN

- 7.1 Mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai semua undang-undang persekutuan di Zon Maritim Negara dan undang-undang maritim antarabangsa; dan
- 7.2 mempunyai kekompetenan dalam ilmu kelautan, perkapalan serta teknologi maklumat dan komunikasi (JCT).

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- bersih, cekap, amanah
- jujur
- bertanggungjawab
- berani, cekal dan sanggup menghadapi dugaan
- berminat dan berdedikasi

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- Penyelewengan
- terdedah dengan unsur rasuah
- kepentingan diri
- penyeludupan
- penceroboh
- pendarang tanpa izin